



20 Oktober 2017
20 October 2017
P.U. (A) 322

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (JUALAN KREDIT) 2017

CONSUMER PROTECTION (CREDIT SALE) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/ *ATTORNEY*
GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (JUALAN KREDIT) 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Barang
4. Pernyataan bertulis
5. Bentuk perjanjian jualan kredit
6. Kandungan tambahan perjanjian jualan kredit
7. Ketelusan maklumat dalam perjanjian jualan kredit
8. Fi pemprosesan
9. Fi tempahan
10. Deposit
11. Caj terma
12. Kadar peratusan tahunan
13. Caj sampingan
14. Caj bayaran lewat
15. Tempoh ansuran
16. Penyelesaian awal
17. Rebat berkanun
18. Rundingan bersama
19. Pelupusan barang yang dibeli yang diserahkan balik
20. Mempamerkan notis
21. Penzahiran maklumat dalam iklan barang

- 22. Kewajipan pembeli berhubung dengan insurans barang
- 23. Kad kuasa
- 24. Kewajipan untuk menyimpan dan menyenggarakan rekod pembayaran
- 25. Kesalahan
- 26. Peruntukan kecualian dan peralihan
- 27. Pembatalan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN PENGGUNA (JUALAN KREDIT) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 24AA Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua jenis perniagaan—

(a) yang dikehendaki untuk mendaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan syarikat atau perniagaan; dan

(b) yang terlibat dalam urusan niaga jualan kredit.

Barang

3. Suatu perjanjian jualan kredit hanya boleh dibuat berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pernyataan bertulis

4. (1) Sebelum apa-apa perjanjian jualan kredit dibuat berkenaan dengan apa-apa barang atau kelas barang, penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar yang disebut dalam seksyen 24N Akta hendaklah menyerahkan kepada bakal pembeli suatu

pernyataan bertulis yang berhubungan dengan ringkasan obligasi kewangan bakal pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua.

(2) Kandungan pernyataan bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dimasukkan dalam perjanjian jualan kredit.

Bentuk perjanjian jualan kredit

5. Suatu perjanjian jualan kredit hendaklah dicetak—

(a) dalam fon Arial berwarna hitam yang bersaiz tidak kurang daripada 10 poin; dan

(b) pada kertas bersaiz A4.

Kandungan tambahan perjanjian jualan kredit

6. Sebagai tambahan kepada kandungan perjanjian jualan kredit yang dikehendaki di bawah seksyen 24P Akta, perjanjian jualan kredit hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) kaedah bagi pembayaran setiap ansuran bulanan;

(b) pemilihan yang boleh dibuat sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran dua ansuran berturut-turut oleh pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 24v(2) Akta;

(c) formula bagi pengiraan caj terma, kadar peratusan tahunan, caj bayaran lewat dan rebat berkanun mengikut Jadual Keempat, Jadual Kelima, Jadual Keenam dan Jadual Ketujuh, masing-masing;

(d) penamatan perjanjian jualan kredit dan penyerahan balik barang yang dibeli di bawah perenggan 24v(2)(c) Akta; dan

- (e) penamatan perjanjian jualan kredit secara penyelesaian awal di bawah peraturan 16.

Ketelusan maklumat dalam perjanjian jualan kredit

7. (1) Penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar hendaklah memastikan bahawa—

- (a) jargon teknikal dan jargon undang-undang telah diterangkan kepada bakal pembeli dalam bahasa yang mudah dan jelas serta difahami oleh bakal pembeli itu; dan
- (b) kandungan perjanjian jualan kredit telah diterangkan kepada bakal pembeli dan difahami oleh bakal pembeli itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), tandatangan atau cap jari pembeli berkenaan dengan suatu perjanjian jualan kredit hendaklah menjadi bukti bahawa kehendak di bawah subperaturan (1) telah dipenuhi.

Fi pemprosesan

8. Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh bakal pembeli yang membuat suatu permohonan untuk mendapatkan persetujuan pemberi kemudahan kredit untuk memberikan kemudahan kredit di bawah subseksyen 24N(2) Akta hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Fi tempahan

9. (1) Tiada penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar boleh memungut atau menerima fi tempahan daripada bakal pembeli sebelum penyerahan pernyataan bertulis sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua oleh penjual atau

pemberi kemudahan kredit itu, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu.

(2) Fi tempahan yang disebut dalam subperaturan (1) tidak boleh melebihi lima peratus daripada harga tunai barang sebagaimana yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Fi tempahan hendaklah menjadi sebahagian daripada deposit di bawah peraturan 10.

(4) Penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar yang telah memungut atau menerima fi tempahan daripada bakal pembeli hendaklah membayar balik amaun keseluruhan fi tempahan itu kepada bakal pembeli itu jika—

(a) persetujuan untuk memberikan kemudahan kredit tidak diberikan oleh pemberi kemudahan kredit itu di bawah subseksyen 24N(2) Akta; atau

(b) penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu gagal menyerahkan barang kepada bakal pembeli dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis yang disebut dalam subperaturan (1).

(5) Fi tempahan yang disebut dalam subperaturan (4) hendaklah dibayar balik oleh penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu dalam tempoh sepuluh hari bekerja—

(a) dari tarikh persetujuan untuk memberikan kemudahan kredit tidak diberikan oleh pemberi kemudahan kredit itu di bawah subseksyen 24N(2) Akta; atau

(b) dari tarikh kegagalan untuk menghantarserahkan barang di bawah perenggan (4)(b).

(6) Jika bakal pembeli menarik balik tempahan barang sebelum perjanjian jualan kredit ditandatangani, penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar yang telah memungut atau menerima fi tempahan hendaklah membayar balik tidak kurang daripada sembilan puluh peratus fi tempahan itu kepada bakal pembeli itu dalam tempoh sepuluh hari bekerja dari tarikh tempahan itu ditarik balik.

Deposit

10. (1) Seorang penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar hendaklah memungut atau menerima deposit daripada pembeli hanya apabila menandatangani perjanjian jualan kredit.

(2) Deposit yang disebut dalam subperaturan (1) tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada harga tunai barang sebagaimana yang dinyatakan dalam perjanjian jualan kredit.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), deposit boleh melebihi sepuluh peratus daripada harga tunai barang jika peratusan itu dipersetujui bersama oleh pemberi kemudahan kredit dan pembeli.

(4) Jika penjual atau pemberi kemudahan kredit, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar gagal untuk menyerahkan barang di bawah perjanjian jualan kredit kepada pembeli dalam

tempoh yang dinyatakan dalam perjanjian jualan kredit itu, penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit itu, atau pengedar itu yang telah memungut atau menerima deposit daripada pembeli hendaklah membayar balik deposit itu kepada pembeli itu dalam tempoh sepuluh hari bekerja dari tarikh kegagalan untuk menghantarserahkan barang itu.

Caj terma

11. (1) Jika suatu perjanjian jualan kredit memperuntukkan caj terma berkenaan dengan mana-mana barang atau kelas barang—

(a) caj terma itu hendaklah pada kadar tetap;

(b) caj terma itu hendaklah dikira mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat; dan

(c) kadar caj terma itu tidak boleh melebihi lima belas peratus setahun.

(2) Tiada perubahan boleh dibuat kepada caj terma berkenaan dengan mana-mana barang atau kelas barang selepas perjanjian jualan kredit ditandatangani oleh pembeli dan pemberi kemudahan kredit.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), kadar caj terma sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu perjanjian jualan kredit boleh dikurangkan jika pengurangan itu dipersetujui bersama oleh pemberi kemudahan kredit dan pembeli.

Kadar peratusan tahunan

12. Kadar peratusan tahunan bagi caj terma hendaklah dikira mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

Caj sampingan

13. Caj sampingan yang dikenakan oleh pemberi kemudahan kredit hendaklah dinyatakan dan diperincikan dengan jelas dalam pernyataan bertulis yang disebut dalam peraturan 4 dan perjanjian jualan kredit.

Caj bayaran lewat

14. (1) Caj bayaran lewat yang dikenakan oleh pemberi kemudahan kredit bagi ansuran lampau tempoh di bawah suatu perjanjian jualan kredit yang memperuntukkan caj terma pada kadar tetap hendaklah dikira atas dasar harian mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(2) Kadar bagi caj bayaran lewat tidak boleh melebihi lima peratus setahun.

Tempoh ansuran

15. (1) Pembayaran ansuran di bawah perjanjian jualan kredit hendaklah dibuat secara bulanan kepada pemberi kemudahan kredit.

(2) Tempoh pembayaran ansuran di bawah mana-mana perjanjian jualan kredit tidak boleh melebihi enam puluh bulan dari tarikh penerimaan barang.

Penyelesaian awal

16. Pemberi kemudahan kredit hendaklah membenarkan pembeli pada bila-bila masa dalam tempoh perjanjian jualan kredit itu untuk membuat penyelesaian awal bagi jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit itu.

Rebat berkanun

17. Jika pembeli memilih untuk membuat penyelesaian awal bagi jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit kepada pemberi kemudahan kredit di bawah perenggan 24v(2)(b) Akta atau peraturan 16, pemberi kemudahan kredit itu hendaklah—

- (a) memberi rebat berkanun kepada pembeli itu yang dikira mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh; dan
- (b) memastikan bahawa rebat atas amaun premium yang dibayar berkeenaan dengan insurans barang, jika ada, diberikan kepada pembeli.

Rundingan bersama

18. (1) Sebelum suatu notis di bawah subseksyen 24v(1) Akta dikeluarkan kepada pembeli mengenai penyelesaian ansuran lampau di bawah perjanjian jualan kredit, pembeli boleh berunding dengan pemberi kemudahan kredit mengenai bayaran ansuran lampau itu pada bila-bila masa.

(2) Jika pembeli gagal membayar amaun yang kurang antara hasil jualan atau pelupusan barang yang dibeli yang diserahkan balik dengan amaun keseluruhan yang belum dijelaskan yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit di bawah subseksyen 24w(7) Akta akibat daripada apa-apa kesusahan yang dihadapi oleh pembeli, pembeli itu boleh berunding dengan pemberi kemudahan kredit bagi penyelesaian alternatif berkeenaan dengan penyelesaian amaun yang kurang itu.

Pelupusan barang yang dibeli yang diserahkan balik

19. (1) Jika pembeli, pada bila-bila masa atau apabila pemilihan di bawah perenggan 24v(2)(c) Akta untuk menamatkan perjanjian jualan kredit dibuat, menyerahkan balik barang yang dibeli kepada pemberi kemudahan kredit di bawah seksyen 24w Akta—

- (a) pembeli itu hendaklah memastikan bahawa barang yang dibeli adalah dalam keadaan yang baik dan secara munasabahnyanya boleh diguna pakai bagi maksud yang baginya barang itu digunakan; dan
- (b) apabila barang yang dibeli itu dijual atau dilupuskan oleh pemberi kemudahan kredit, pembeli itu berhak kepada harga yang terbaik yang

boleh diperoleh secara munasabah oleh pemberi kemudahan kredit itu—

- (i) secara lelong;
- (ii) daripada mana-mana pembeli kontrak;
- (iii) daripada mana-mana orang yang dicadangkan oleh pembeli yang berniat untuk membeli atau telah membeli barang itu secara tunai; atau
- (iv) melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh pemberi kemudahan kredit dan pembeli itu.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)(b)(ii), “pembeli kontrak” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh pemberi kemudahan kredit untuk membeli barang yang diserahkan balik oleh pembeli mengikut seksyen 24W Akta.

Mempamerkan notis

20. (1) Seorang penjual atau pemberi kemudahan kredit hendaklah mempamerkan suatu notis di pintu masuk premisnya atau di mana-mana tempat lain yang mudah dilihat di premis itu yang menyatakan maklumat yang berikut:

- (a) caj terma yang disebut dalam peraturan 11 yang dikira mengikut formula sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (b) caj sampingan yang disebut dalam peraturan 13;
- (c) tempoh yang disebut dalam subseksyen 24N(8) dan (9) Akta; dan
- (d) tempoh ansuran yang disebut dalam peraturan 15.

(2) Notis yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah—

(a) dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris; dan

(b) ditulis tangan atau dicetak dengan huruf besar yang ketinggian penghurufannya tidak kurang daripada lima sentimeter.

(3) Tanpa menjejaskan perenggan (2)(a), penjual atau pemberi kemudahan kredit boleh mempamerkan notis yang disebut dalam subperaturan (1) dalam bahasa lain dengan syarat bahawa notis itu mempunyai maklumat yang sama sebagaimana notis yang dipamerkan di bawah subperaturan (1).

Penzahiran maklumat dalam iklan barang

21. Tiap-tiap iklan barang hendaklah mengandungi maklumat mengenai harga tunai, caj terma, tempoh ansuran, jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit, amaun ansuran bulanan dan perihalan barang.

Kewajipan pembeli berhubung dengan insurans barang

22. Jika barang di bawah perjanjian jualan kredit telah diinsuranskan, pembeli hendaklah memberitahu pemberi kemudahan kredit mengenai apa-apa pembaharuan insurans yang berikutnya berkenaan dengan barang itu, jika ada.

Kad kuasa

23. (1) Mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit tidak boleh—

(a) memungut atau menerima apa-apa bayaran ansuran atau apa-apa amaun yang belum dijelaskan di bawah perjanjian jualan kredit daripada pembeli; atau

- (b) memungut atau menerima barang yang diserahkan balik oleh pembeli di bawah seksyen 24W Akta,

tanpa kebenaran daripada pemberi kemudahan kredit itu.

(2) Bagi maksud memberi kebenaran yang disebut dalam subperaturan (1), pemberi kemudahan kredit hendaklah mengeluarkan suatu kad kuasa kepada orang yang bertindak bagi pihaknya.

(3) Kad kuasa yang dikeluarkan oleh pemberi kemudahan kredit di bawah subperaturan (2) hendaklah menyatakan dengan jelas maklumat yang berikut:

- (a) nama dan nombor kad pengenalan pemegang kad;
- (b) nama, alamat dan nombor telefon pemberi kemudahan kredit yang mengeluarkan kad kuasa itu;
- (c) nama, jawatan dan tandatangan orang yang diberi kebenaran sedemikian oleh pemberi kemudahan kredit itu;
- (d) nombor kad kuasa; dan
- (e) gambar berwarna terkini orang yang diberi kebenaran sedemikian yang dilekatkan pada kad kuasa itu.

(4) Gambar yang disebut dalam perenggan (3)(e)—

- (a) hendaklah dalam saiz 3.8 sentimeter tinggi dan 3.2 sentimeter lebar dan hendaklah tanpa birai;

(b) hendaklah menunjukkan muka penuh orang yang diberi kebenaran sedemikian dan imej dari paras dagu hingga bahagian atas kepala hendaklah tidak kurang daripada 2.54 sentimeter dalam kedudukan menegak; dan

(c) hendaklah diambil tanpa penutup kepala, kecuali mana-mana orang yang pada kebiasaannya memakai penutup kepala mengikut agamanya atau adat bangsanya dengan syarat bahawa penutup kepala orang itu tidak menyembunyikan bahagian mukanya.

(5) Mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit tidak boleh meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan kad kuasanya kepada mana-mana orang lain.

(6) Kad kuasa yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) kepada mana-mana orang hendaklah diserahkan balik kepada pemberi kemudahan kredit apabila orang itu tidak lagi bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit itu.

(7) Apabila seseorang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit berkenaan dengan perjanjian jualan kredit, orang itu hendaklah mengemukakan kad kuasa kepada bakal pembeli atau pembeli.

(8) Seseorang yang bertindak bagi pihak pemberi kemudahan kredit tidak boleh mengemukakan kad kuasa yang mengandungi apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan.

(9) Pemberi kemudahan kredit hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod bagi semua kad kuasa yang dikeluarkan di bawah subperaturan (2) dan rekod itu hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa.

Kewajipan menyimpan dan menyenggarakan rekod pembayaran

24. Pemberi kemudahan kredit hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod pembayaran bagi tiap-tiap perjanjian jualan kredit selama tujuh tahun dan rekod itu hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa.

Kesalahan

25. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.

Peruntukan kecualian dan peralihan

26. (1) Semua urusan niaga, urusan dan perjanjian yang dibuat atau disempurnakan menurut undang-undang termasuklah apa-apa hak atau liabiliti di bawah urusan niaga, urusan atau perjanjian itu yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus sah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Apa-apa rayuan atau prosiding yang belum selesai di hadapan Tribunal atau mana-mana mahkamah sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diteruskan seolah-olah Peraturan-Peraturan ini belum berkuat kuasa.

Pembatalan

27. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2012 [*P.U. (A) 89/2012*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 3]

SENARAI BARANG ATAU KELAS BARANG

1. Alatan rumah, sama ada barang elektrik atau bukan elektrik dan aksesoriya yang berkaitan
2. Telefon bimbit dan aksesoriya
3. Peranti pemproses data (iaitu apa-apa artikel atau peranti yang daripadanya maklumat boleh dihasilkan semula dengan atau tanpa bantuan apa-apa artikel atau peranti lain termasuklah monitor, komputer meja, komputer riba, mesin cetak, mesin faks dan konsol) dan aksesoriya
4. Peralatan kesihatan dan kecergasan
5. Penutup lantai dan kelengkapan rumah
6. Perkakas dapur
7. Instrumen muzik dan aksesoriya
8. Emas dan barang kemas
9. Ensiklopedia
10. Kenderaan orang cacat dan motosikal

JADUAL KEDUA

[Peraturan 4]

PERNYATAAN BERTULIS

BAHAGIAN I

[Subseksyen 24N(1)]

RINGKASAN OBLIGASI KEWANGAN BAKAL PEMBELI DI BAWAH PERJANJIAN JUALAN KREDIT YANG DICADANGKAN

Dokumen ini mengandungi suatu perihalan ringkas barang yang dinyatakan dalam perjanjian jualan kredit yang dicadangkan (selepas ini disebut sebagai “Perjanjian”) dan suatu ringkasan obligasi kewangan bakal pembeli di bawah Perjanjian.

1. Butiran barang:

- (a) Perihalan ringkas barang :
- (b) Jika kenderaan bermotor,
nyatakan nombor pendaftaran :
- (c) Nyatakan sama ada baharu atau terpakai :
- (d) Alamat di mana barang akan disimpan :

2. Butir-butir yang berhubungan dengan obligasi kewangan:

- (a) Harga tunai barang (termasuklah apa-apa cukai yang dikenakan oleh Kerajaan) RM
- (b) Fi tempahan, jika ada RM
- (c) Deposit, termasuk fi tempahan, jika ada RM
- (d) Harga tunai tolak deposit RM
- (e) Caj tambang muatan, jika ada RM
- (f) Fi pendaftaran kenderaan, jika ada RM

3. Insurans:

- (a) Bagi kenderaan bermotor, amaun insurans bagi tahun pertama sahaja RM
- (b) Bagi barang selain kenderaan bermotor, amaun insurans bagi tempoh Perjanjian RM
- (c) Bagi apa-apa risiko lain atas kemudahan kredit, jika ada RM

4. Caj terma (kadar tetap):

- (a) Kadar tahunan%
- (b) Jumlah amaun caj terma RM

5. Baki permulaan yang kena dibayar di bawah Perjanjian RM

6. Kadar peratusan tahunan RM

7. Jumlah amaun yang kena dibayar di bawah Perjanjian (mengikut subperenggan 24P(1)(b)(x) Akta) RM

8. Perbezaan antara harga tunai barang dengan jumlah amaun yang kena dibayar di bawah Perjanjian RM

9. Butir-butir yang berhubungan dengan pembayaran:

Tempoh pembayaran ansuran dalam—

- (a) Bilangan bulan
- (b) Bilangan ansuran
- (c) Amaun bagi setiap ansuran RM
- (d) Amaun bagi ansuran terakhir (jika ada) RM

10. Apa-apa caj sampingan yang boleh dikenakan (jika ada) hendaklah

dibayar secara berasingan dan tidak boleh termasuk dalam jumlah amaun yang dikenakan dibayar di bawah Perjanjian:

(a) Fi pemprosesan	RM
(b) Caj pemasangan	RM
(c) Caj penghantarserahan	RM
(d) Fi pungutan	RM
(e) Fi penyimpanan	RM

11. Tarikh/tempoh penghantarserahan barang:

Dokumen ini dikeluarkan oleh atau bagi pihak.....di
.....pada.....haribulan.....menurut subseksyen
24N(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999. Dokumen ini diberikan secara percuma tanpa
apa-apa obligasi untuk membuat suatu perjanjian jualan kredit.

Saya/Kami.....No. K/P.....yang
beralamat..... dengan ini mengaku terima dokumen ini.

Tandatangan
Tarikh

NOTA:

Tiada perjanjian jualan kredit boleh dibuat dalam tempoh sepuluh hari bekerja selepas penyerahan pernyataan bertulis ini. Walau bagaimanapun, bakal pembeli boleh memilih untuk membuat suatu perjanjian jualan kredit selepas tiga hari bekerja dari tarikh penyerahan pernyataan bertulis ini. Peruntukan ini adalah mengikut subseksyen 24N(8) dan (9) Akta Perlindungan Pengguna 1999.

BAHAGIAN II
[Subseksyen 24N(2)]

PERSETUJUAN PEMBERI KEMUDAHAN KREDIT

*Nama :
(Penjual/pemberi kemudahan kredit/
mana-mana orang yang bertindak bagi
pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit/
pengedar)

Alamat :

Tarikh :

Kepada
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa.....
No. K/Pyang beralamatberniat untuk membuat
suatu perjanjian jualan kredit berkenaan dengan.....dan suatu salinan
ringkasan obligasi kewangannya di bawah perjanjian jualan kredit yang dicadangkan telah
diserahkan kepadanya pada.....haribulanyang salinannya
dilampirkan bersama-sama ini menurut perenggan 24N(2)(a) Akta Perlindungan Pengguna
1999.

2. Jika anda bersetuju untuk menjadi suatu pihak sebagai pemberi kemudahan kredit
dalam perjanjian jualan kredit yang dicadangkan, mohon pengesahan dengan
menandatangani pada ruang yang bersesuaian dalam dokumen ini.

*(Tandatangan penjual/pemberi kemudahan kredit/mana-mana orang yang bertindak bagi
pihak penjual atau pemberi kemudahan kredit/pengedar)

Nama :

Alamat :

Tarikh :

NOTA:

*Potong jika tidak berkenaan

Kepada
.....

*Saya/Kamidengan ini bersetuju
untuk menjadi suatu pihak sebagai pemberi kemudahan kredit dalam perjanjian jualan
kredit yang dicadangkan.

(Tandatangan pemberi kemudahan kredit)

Nama :

Alamat :

Tarikh :

NOTA:

*Potong jika tidak berkenaan

JADUAL KETIGA
[Peraturan 8]

FI PEMROSESAN

<i>Jumlah amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian jualan kredit</i>	<i>Fi</i>
RM 30,000.00 dan ke bawah	Tidak melebihi RM 50.00
RM 30,001.00 dan ke atas	RM 51.00 ke RM 100.00

JADUAL KEEMPAT

[Peraturan 11]

CAJ TERMA

Caj terma hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$R = \frac{100 \times C}{T \times P}$$

iaitu

R ialah caj terma yang dikira sebagai kadar peratusan setahun.

C ialah caj terma yang dinyatakan dalam ringgit dan sen.

T ialah masa yang luput antara masa yang ditetapkan oleh atau di bawah perjanjian jualan kredit bagi pembayaran ansuran yang pertama dan masa yang ditetapkan bagi pembayaran ansuran yang terakhir, bersama dengan—

(a) satu minggu jika ansuran kena dibayar di bawah perjanjian pada lat tempoh seminggu tetap;

(b) dua minggu jika ansuran kena dibayar di bawah perjanjian adalah pada lat tempoh dua minggu tetap;

(c) satu bulan jika ansuran kena dibayar di bawah perjanjian pada lat tempoh sebulan tetap,

yang dinyatakan dalam tahun dan pecahan tahun.

P ialah perbezaan antara harga tunai barang yang dinyatakan dalam perjanjian jualan kredit dengan amaun deposit bersama dengan—

(a) caj tambang muatan, jika ada;

(b) fi pendaftaran kenderaan, jika ada; dan

(c) amaun premium yang dibayar berkenaan dengan insurans barang, jika ada,

yang dinyatakan dalam ringgit dan sen.

JADUAL KELIMA

[Peraturan 12]

KADAR PERATUSAN TAHUNAN

Kadar peratusan tahunan hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$2 NF (300C + NF)$$

$$2 N^2F + 300C (N + 1)$$

iaitu

N ialah jumlah bilangan ansuran.

C ialah bilangan ansuran yang, di bawah suatu perjanjian jualan kredit, akan dibayar dalam satu tahun atau, jika perjanjian jualan kredit hendaklah diselesaikan dalam tempoh kurang daripada satu tahun, bilangan ansuran yang akan dibayar dalam satu tahun jika ansuran terus dibayar pada selang yang sama.

F ialah amaun yang ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$100C \times T$$

$$N \times A$$

iaitu

C ialah bilangan ansuran yang, di bawah suatu perjanjian jualan kredit, akan dibayar dalam satu tahun atau, jika perjanjian jualan kredit

hendaklah diselesaikan dalam tempoh kurang daripada satu tahun, bilangan ansuran yang akan dibayar dalam satu tahun jika ansuran terus dibayar pada selang yang sama.

T ialah jumlah amaun caj terma yang ditentukan terlebih dahulu.

N ialah jumlah bilangan ansuran.

A ialah amaun yang dibiayai.

JADUAL KEENAM

[Peraturan 14]

CAJ BAYARAN LEWAT

Jika pembeli mungkir dalam pembayaran ansuran di bawah suatu perjanjian jualan kredit, caj bayaran lewat hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$LP = \left(\frac{R \times A}{Y} \right) \times DD$$

iaitu

LP ialah caj bayaran lewat yang dinyatakan dalam ringgit dan sen.

R ialah kadar bagi caj bayaran lewat yang ditetapkan oleh Menteri.

A ialah tunggakan ansuran yang belum dijelaskan.

Y ialah 365 hari.

DD ialah bilangan hari lewat bagi pembayaran ansuran.

JADUAL KETUJUH

[Peraturan 17]

REBAT BERKANUN

Rebat berkanun hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$(a) \quad \text{Rebat berkanun} = \frac{C \times (1+2+\dots+n)}{(1+2+3+4+\dots+k)}$$

atau

$$(b) \quad \text{Rebat berkanun} = \frac{Cn \times (n+1)}{k(k+1)}$$

iaitu

C ialah jumlah amaun faedah (amaun caj terma).

n ialah baki bilangan ansuran bulanan.

k ialah tempoh asal perjanjian jualan kredit.

Dibuat 19 Oktober 2017

[KPDNKK(R)700-1/2/16;PN(PU2)607/V]

DATO' SRI HAMZAH BIN ZAINUDDIN

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

CONSUMER PROTECTION ACT 1999

CONSUMER PROTECTION (CREDIT SALE) REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Goods
4. Written statement
5. Form of credit sale agreement
6. Additional contents of credit sale agreement
7. Transparency of information in credit sale agreement
8. Processing fee
9. Booking fee
10. Deposit
11. Terms charges
12. Annual percentage rate
13. Ancillary charges
14. Late payment charges
15. Period of instalments
16. Early settlement
17. Statutory rebate
18. Mutual consultation
19. Disposal of purchased goods surrendered
20. Display of notice
21. Disclosure of information in advertisement of goods
22. Duty of purchaser in relation to insurance of goods

- 23. Authority card
- 24. Duty to keep and maintain records of payment
- 25. Offence
- 26. Saving and transitional provisions
- 27. Revocation

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

FOURTH SCHEDULE

FIFTH SCHEDULE

SIXTH SCHEDULE

SEVENTH SCHEDULE

CONSUMER PROTECTION ACT 1999

CONSUMER PROTECTION (CREDIT SALE) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 24AA of the Consumer Protection Act 1999 [Act 599], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

